

**LAPORAN**  
**CADANGAN REKABENTUK DALAMAN**  
**BUTIK NIKE , DI LOT 118, TINGKAT 1,**  
**SURIA KLCC, KUALA LUMPUR**

**NOORHAFIZA BT ISMAIL**

**2001329140**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**KAMPUS SERI ISKANDAR**  
**CAWANGAN PERAK**

**MAC 2005**

## **ISI KANDUNGAN**

### **SENARAI GAMBARAJAH**

### **MUKA SURAT**

### **PENGHARGAAN**

### **ABSTRAK**

### **BAB 1 PENGENALAN**

<b>1.1. LAPORAN PROJEK</b>	<b>1 - 6</b>
1.1.1. Matlamat	7 - 8
1.1.2. Objektif	9
1.1.3. Kepentingan Kajian	10
1.1.3.1. Kepentingan Kepada Pelajar	11
1.1.3.2. Kepentingan Kepada Klien	11
1.1.3.3. Kepentingan Kepada Pengunjung	11 - 12
1.1.4. Kaedah Kajian	13 - 14
1.1.4.1. Kaedah Pemerhatian	15 - 17
1.1.4.2. Kaedah Temubual	18 - 19
1.1.4.3. Kaji Selidik	19 - 20
1.1.4.4. Kajian Kes	21
<b>1.2. KAJIAN LATAR BELAKANG KLIEN</b>	<b>22 - 23</b>
1.2.1. Imej korporat Nike	24 - 27
1.2.2. Carta organisasi	28
1.2.3. Sistem operasi	29
1.2.4. Teknik promosi dan pengedaran	30 - 31
1.2.5. Sasaran pengunjung	32 - 33

## PENGHARGAAN

Assalammualaikum .....

Pertama sekali dikesempatan ini, saya mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat illahi kerana dengan izin dan kinayah-Nya Jualah dapat saya melengkapkan sebahagian daripada kerja kursus di mana syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman. Begitu banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa ditempuhi pada awalnya, namun dengan semangat yang jitu dan juga kesungguhan yang tinggi, segala kesukaran dapat diatasi.

Oleh itu, dikesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak tertentu dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan laporan dan projek akhir saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan salam sayang buat kedua ibu bapa saya serta keluarga yang menjadi ‘tiang seri’ dalam menghadapi liku-liku kehidupan ini.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Rekabentuk Dalaman yang berkaliber dan berwibawa yang tidak pernah jemu menegur, membimbing, serta memberi pandangan membina kepada saya dalam menyiapkan laporan ini. terutamanya kepada Puan Norashikin Bt Abdullah selaku koordinator, dan tidak lupa juga kepada Puan Ramlah Bt Awil yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan nasihat. Saya juga ingin megucapkan ribuan

## **Abstrak**

Tujuan laporan akhir ini dibuat untuk mengkaji, bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman. Tajuk projek yang dicadangkan ialah • Cadangan Merekabentuk Ruang Dalaman “Nike Boutique” ataupun Butik Nike di atas Lot 188, Tingkat 1, Suria KLCC, Kuala Lumpur untuk Nike Sale (M) Sdn Bhd.

Sebelum menjalankan laporan ini, pelbagai prosedur perlu di lalui mengikut peringkat tertentu. Pelbagai faktor-faktor penting perlu di ambil kira teruama dari sudut ruang dalaman dan termasuklah persekitaran luar tapak. Langkah pertama sebelum melakukan projek ini adalah mengenal pasti setiap masalah di tapak cadangan dan persekitarannya.

Ini adalah amat penting kerana ianya bertujuan untuk menyelesaikan masalah di tapak supaya sesuai dengan projek yang di cadangkan. Kajian di lakukan adalah dari pelbagai aspek bermula daripada lantai sehingga talang. Selain itu juga, kajian terhadap kedai komersial lain juga perlu di ambil kira sebagai kajian kes terhadap projek ini yang mana ianya mempunyai hubungkait dengan projek yang di cadangkan. Sehubungan dengan itu, kajian dan proses pengumpulan data ini akan diterapkan dalam proses rekabentuk yang selesa dan menarik, di samping mewujudkan imej dan gaya yang tersendiri.

Justeru itu juga, satu perancangan yang teliti telah di buat sebelum rekabentuk cadangan ruang yang baru. Beberapa aspek penting perlu di ambil kira untuk memastikan ruang yang di cadangkan mempunyai kepentingan dan dapat memenuhi keperluan pelanggan. Keselesaan pelanggan juga amat penting agar pelanggan tersebut dapat menikmati ruang dengan lebih selesa.

## **1.0. PENGENALAN**

### **1.1. Sejarah Penubuhan Nike.Ltd.**

Penubuhan Nike bermula sebagai sebuah perniagaan kecil-kecilan yang beropersi di dalam bonet kereta milik Phil Knight. Bermula dari impianya sewaktu kecil, kini Nike telah mencipta empayar syarikat pengeluar kasut dan barang sukan yang bukan sahaja mengurangkan jurang sempadan di antara perbezaan jantina malah mempunya rekaan yang hebat, berkualiti dan sentiasa mengekalkan status dan reputasinya sebagai perniagaan barang sukan terkemuka di dunia.

Nike mula berkembang apabila terdapatnya dua kehendak daripada Bill Bowerman yang sedang mencari sepasang kasut yang ringan, tahan lasak, dan bersesuaian untuk keperluan kesemua atlit pelarinya di Oregon dan Knight yang tidak mahu melepaskan minatnya yang mendalam terhadap dunia sukan. Bowerman yang merupakan seorang jurulatih sukan di Universiti Oregon, tempat di mana Knight pernah menuntut dan mengambangkan minatnya di dalam bidang yang sama pada sekitar tahun 1959. Di atas kehendak dan kemauuan Bowerman yang inginkan sepasang kasut sukan yang berkualiti untuk para atlet di universitinya telah membuatkan Knight merangka satu strategi pemasaran, maka di atas keinginan dan minat inilah tertubuhnya sebuah syarikat pembekal barang sukan yang terkenal di seluruh negara.

Kemudian pada tahun 1963, Phil Knight telah mengembara ke Jepun di mana pada waktu yang sama kebanyakan pemuda masih lagi belum memikirkan untuk bekerja, Knight mengadakan satu temujanji dengan sebuah syarikat